

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Dua

Alam Divin dan Mistikal

Bacaan Bible: Yoh. 14:10-11, 16-20; 1 Kor. 15:45b;
2 Kor. 3:17-18; 13:14; Gal. 3:14

- I. **Semua pekudus dalam pemulihan Tuan perlu mempunyai pandangan yang jelas, suatu visi, berkenaan alam fizikal dan alam divin dan mistikal—Ams. 29:18a; Kis. 26:19:**
 - A. Kita perlu menghargai alam divin dan mistikal dengan menerima tanggapan yang mendalam tentang perbandingan yang jelas berbeza: bumiah berlawanan dengan syurgawi, judisial berlawanan dengan organik, objektif berlawanan dengan subjektif, fizikal berlawanan dengan mistikal—Roma 5:10; Ibr. 8:1.
 - B. Kita perlu masuk ke dalam suatu alam, lingkungan, kingdom, yang jauh lebih tinggi daripada alam yang kita berada sekarang; alam yang lebih tinggi ini ialah alam divin dan mistikal.
 - C. Kita masuk ke dalam alam divin dan mistikal dengan melihat alam ini; dalam hal-hal rohani, melihat bererti masuk ke dalam—Yoh. 3:3, 5.
- II. **Tuhan Tritunggal sendiri ialah alam divin dan mistikal—14:10-11:**
 - A. Tuhan Tritunggal—ketiga-tiga daripada Triniti Divin—adalah swawujud, kekal-wujud dan saling menghuni; dengan itu Bapa, Anak, dan Roh merupakan alam divin dan mistikal, dengan ketiga-tiga daripada Triniti Divin ini huni dalam satu sama lain—Mat. 28:19; 2 Kor. 13:14.
 - B. Menurut Yohanes 14:10 dan 11, Anak berada dalam Bapa, dan Bapa berada dalam Anak; ini menandakan bahawa Bapa terjadad dalam Anak dan Anak ialah perjasadan Bapa, dengan itu membentuk alam divin dan mistikal, iaitu alam Tuhan Tritunggal.
- III. **Alam divin dan mistikal yang kita masuki hari ini dan yang dalamnya kita hidup sebenarnya bukan sekadar alam divin dan mistikal Tuhan Tritunggal; alam ini merupakan alam divin dan mistikal bagi Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik—Flp. 1:19; Roma 8:9; 2 Kor. 3:17-18; Gal. 3:14:**
 - A. Bible mewahikan bahawa Roh itu telah menjadi Roh yang terkonsumasi, almuhit, dan majmuk—Yoh. 7:39; 14:16-17; 20:22; Roma 8:9; Flp. 1:19:
 1. Istilah *Roh terkonsumasi* mengimplikasikan bahawa Roh itu telah diproses dan dengan itu menjadi Roh terkonsumasi—Yoh. 7:39.
 2. Roh terkonsumasi ialah Roh majmuk yang ditamsilkan oleh minyak urap—Kel. 30:23-25:
 - a. Dalam kebangkitan Kristus, Roh Tuhan berbaur dengan keinsanan Kristus, kematian-Nya serta keberkesanannya, dan kebangkitan-Nya serta kudratnya—Flp. 3:10.
 - b. Hasil daripada pembauran ini ialah Roh majmuk dan terkonsumasi—1:19.
 3. Roh terkonsumasi ialah Tuhan Tritunggal yang telah melalui proses inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, dan kebangkitan dalam Kristus—Yoh. 7:39.
 - B. Bible mewahikan bahawa Kristus telah menjadi Kristus pneumatik—1 Kor. 15:45b:
 1. Menerusi kematian dan kebangkitan-Nya, Kristus telah menjadi Roh beri-hayat dan dengan itu menjadi Kristus pneumatik—ay. 45b; 2 Kor. 3:17-18.
 2. Oleh itu, kita mengatakan bahawa ini ialah alam divin dan mistikal bagi Roh terkonsumasi dan bagi Kristus pneumatik ini—Yoh. 7:39; Gal. 3:14; 1 Kor. 15:45b.

ALAM DIVIN DAN MISTIKAL

Mesej Dua (sambungan)

IV. Dalam pengalaman kita, kita sebenarnya menjadi sebahagian daripada alam divin dan mistikal bagi Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik—Yoh. 14:16-20; 17:21-23:

- A. Kita menjadi sebahagian daripada alam divin dan mistikal menerusi kelahiran divin; menerusi kelahiruan, kita dilahirkan ke dalam alam divin dan mistikal—3:5-6.
- B. Kita menjadi sebahagian daripada alam divin dan mistikal dengan berbahagian dalam hayat (ay. 15), sifat (Ef. 1:4; 2 Ptr. 1:4), minda Tuhan (Ef. 4:23; Flp. 2:5), apanya Tuhan (2 Kor. 3:18b; Ef. 3:8), imej (2 Kor. 3:18a; Roma 8:29), kemuliaan (ay. 30; Ibr. 2:10), keanakan (Ef. 1:5; Roma 8:23), manifestasi (ay. 19), dan rupa Tuhan (1 Yoh. 3:2).
- C. Kita menjadi sebahagian daripada alam divin dan mistikal dengan dibina dalam Tubuh Kristus—Ef. 4:16:
 - 1. Tubuh Kristus merupakan alam divin dan mistikal, dan semakin kita berada dalam realiti Tubuh Kristus, semakin kita berada dalam alam divin dan mistikal—Roma 12:4-5; 1 Kor. 12:12-13, 27; Ef. 1:22-23; 4:16.
 - 2. Percayawan dibaurkan ke dalam satu entiti untuk menjadi Tubuh Kristus yang mistikal—1 Kor. 12:24, 27.

V. Sebagai percayawan dalam Kristus, anak-anak Tuhan, kita harus hidup dalam alam divin dan mistikal—Roma 8:16; Yoh. 14:2-3, 20; 1 Kor. 15:45b; Gal. 3:14; 2 Kor. 3:17-18:

- A. Alam divin dan mistikal yang kita masuki dan yang dalamnya kita hidup merupakan alam divin dan mistikal bagi Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik; kita perlu belajar untuk hidup dalam alam yang ajaib ini—Flp. 1:19; 2 Kor. 13:14; Gal. 3:14.
- B. Dalam alam divin dan mistikal, kita menerima Roh itu sebagai berkat yang unik dan serba merangkumi—ay. 2, 5.
- C. Dalam alam divin dan mistikal, kita menerima transmisi Kristus yang naik ke syurga dan perbekalan daripada ministri-Nya di syurga—Ef. 1:22; Ibr. 8:1-2.
- D. Dalam alam divin dan mistikal, kita mengalami penyelamatan organik Tuhan—Roma 5:10.
- E. Dalam alam divin dan mistikal, kita hidup dalam kingdom Tuhan sebagai alam spesies divin—Yoh. 3:3, 5.
- F. Dalam alam divin dan mistikal, kita hidup dalam persekutuan hayat divin—1 Yoh. 1:3, 7; Kis. 2:42.
- G. Dalam alam divin dan mistikal, kita menjalani kehidupan orang Kristian yang spontan dan tanpa perlu bersusah payah menurut fungsi hukum hayat yang automatik—Roma 8:2.
- H. Dalam alam divin dan mistikal, kita menjalani kehidupan yang penuh ketulus-ikhlasan untuk mengekspresikan realiti divin yang diwahikan—2 Yoh. 1; 3 Yoh. 1; Yoh. 4:23-24.
- I. Dalam alam divin dan mistikal, kita berbaur dengan Tuhan Tritunggal yang terproses untuk memelihara kesatuan—17:21, 23:
 - 1. Kesatuan yang sebenar berada dalam Tuhan Tritunggal—Mat. 28:19; Yoh. 17:21, 23.
 - 2. Kesatuan yang sejati merupakan pembauran percayawan dengan Tuhan Tritunggal—2 Kor. 13:14:

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Dua (sambungan)

- a. Untuk memiliki kesatuan yang sedemikian, percayawan harus berada dalam Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik yang merupakan alam divin dan mistikal.
- b. Percayawan adalah satu dengan Tuhan Tritunggal dalam alam divin dan mistikal bagi Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik.

VI. Setiap percayawan harus hidup dalam alam divin dan mistikal dan menjadi orang yang divin dan mistikal, iaitu seorang yang insani namun hidup secara divin—Gal. 2:20; 2 Kor. 10:1; 13:14:

- A. Kita perlu menjadi divin namun insani, bukan sekadar insani tetapi insani secara mistikal; segala hal dalam kehidupan kita haruslah divin dan mistikal—Yoh. 14:16-20.
- B. Menjadi divin bermaksud melakukan segala hal bersama dengan Tuhan, dalam Tuhan, melalui Tuhan, dan menerusi Tuhan—1 Kor. 10:31; Kol. 3:17.
- C. Seperti Tuan Yesus, kita seharusnya kelihatan fizikal namun divin dan mistikal secara tidak kelihatan; kita seharusnya hidup dalam alam fizikal dan dalam alam divin dan mistikal secara serentak—Yoh. 3:13; Ef. 4:20-21; Ibr. 4:16; 13:13.

VII. “Ketika itu, dua orang lelaki akan berada di ladang; seorang diambil dan seorang ditinggalkan. Dua orang perempuan mengisar di batu kilangan; seorang diambil dan seorang ditinggalkan”—Mat. 24:40-41:

- A. Dua orang lelaki dan dua orang perempuan mewakili percayawan yang hidup pada masa kedatangan kedua Tuan—Wahi 14:1, 4b.
- B. Diambil bermaksud diraptur sebelum kesengsaraan dahsyat—Mat. 24:21; Wahi 3:10:
 1. Matius 24:40-41 merujuk kepada kerapturan secara tersembunyi, iaitu kerapturan untuk orang yang telah bersedia, orang yang matang—Wahi 14:4b.
 2. Perbezaan antara orang yang diambil dengan orang yang ditinggalkan ialah kematangan hayat; seorang itu hidup dalam alam divin dan mistikal, dan seorang lagi tidak—Mat. 24:40-41.
- C. Sabda Tuan dalam Matius 24:40-42 menunjukkan kepada kita bahawa semasa kita menunggu kedatangan-Nya dan menanti-nantikan kerapturan, kita haruslah setia dalam tugasannya kita, menjalani kehidupan manusia yang seimbang dan wajar namun pada masa yang sama hidup dalam alam divin dan mistikal bagi Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik—bd. 2 Tes. 3:6-15.